

30
days

LOVING MUSLIMS THRU PRAYER

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim

PERMULAAN



Idea-idea dan cadangan-cadangan bagi doa secara individu dan kumpulan

Sepanjang minggu-minggu yang akan datang, anda boleh berdoa dan berpuasa dengan berbagai-bagai cara. Anda boleh menggunakan buku panduan ini untuk berdoa secara sendiri pada masa doa peribadi, dan juga bergabung dengan kumpulan untuk berdoa bersama-sama. Kami mendorong anda untuk mencari cara yang kreatif dalam fokus doa ini untuk melibatkan seramai orang yang mungkin bersama dengan anda. Yesus memberi janji-janji berkat yang istimewa bagi orang-orang Kristian yang datang bersama-sama untuk berdoa dan bersetuju dalam satu kumpulan.

Anda boleh mengadakan persekutuan mingguan atau dua kali seminggu sepanjang 30 hari ini dengan jemaat anda, kumpulan muda-mudi anda, persekutuan pemimpin, persekutuan wanita, kelompok pembelajaran Alkitab, kelompok sel, kelompok kanak-kanak – apa sahaja acara atau persekutuan di mana rakan-rakan Kristian berkumpul bersama.

Ambillah satu acara sosial dan ubahkannya menjadi acara doa. Jemput rakan-rakan menyertai kamu untuk jamuan khas yang bertema tajuk doa untuk hari tertentu. Carilah maklumat tentang budaya tersebut – termasuk makanan dan pakaian, musik, sukan, dll. Ia akan membantu anda jika seseorang dipilih sebagai pemimpin kumpulan doa itu. Orang ini boleh memberi panduan ketika waktu berdoa, dan membimbing kelompok tersebut dengan menggunakan garis-garis panduan berikut. Semasa anda doakan bahan-bahan doa yang dicadangkan bagi setiap hari, minta dan biarkan Roh Kudus yang memimpin anda dalam doa, menunjukkan secara terperinci dan fokus yang khusus untuk anda tumpukan perhatian (Roma 8:26)

Lebih baik jika kelompok itu berdoa dan fokus dengan satu subjek pada satu masa, daripada memotong dan sering mengubah fokus. Setiap orang harus tunggu sebelum meneruskan topik yang lain, benarkan setiap orang berdoa pada subjek semasa (1 Kor 14:40). Pastikan semua orang mempunyai peluang untuk berdoa bagi satu bahan atau keperluan jika mereka mahu.

Carikan cara-cara untuk mempelbagaikan dan menjadikan waktu berdoa anda itu menarik. Allah adalah kreatif yang tidak terhingga, dan telah mencipta kita sesuai dengan imej-Nya, jadi kita boleh harapkan idea-idea dan doa-doa yang kreatif semasa kita mencari-Nya. Sebagai contoh, menggunakan peta atau membaca artikel ringkas mengenai negara yang tertentu atau yang berkaitan pada tema doa hari tersebut, boleh menambahkan minat dan memberikan idea-idea baru dalam keperluan-keperluan doa. Gambar-gambar, peta-peta atau acara radio, televisyen dan video-video dokumentari juga boleh digunakan.

“Malam Kuasa” orang-orang Muslim merupakan malam strategik doa yang memperingatkan tentang saat ketika Muhammad menerima wahyu Qur’an buat kali pertama (yang bermula pada petang hari ke-26 – Oktober 19). Mungkin anda ingin pertimbangkan mengadakan doa satu malam bersama gereja atau kelompok misi anda pada malam ini. Seseengah orang Muslim meluangkan banyak waktu di masjid dengan membuat permintaan kepada Allah pada malam khusus ini. Marilah kita percaya kepada Allah dengan curahan Roh-Nya keatas rakan-rakan Muslim sedunia kita. Marilah kita berdoa dan percaya dengan kepenuhan Wahyu 7:9, bahawa setiap kumpulan, termasuk orang-orang Islam, akan datang di hadapan takhta Allah di akhir zaman nanti.

Allah kita sedang memenuhi janji-Nya kepada Abraham: Dia membawa Abraham ke luar lalu berfirman, “Pandanglah ke langit dan cubalah hitung bintang.” Lalu Dia berkata kepada Abraham, “engkau akan mempunyai keturunan sebanyak bintang.” Kejadian 15:5

Dengan iman dalam Yesus Kristus, pengikut-pengikut Mesias semuanya adalah anak-anak Abraham. Galatia 3:26.